



# NOTIS

PILIHAN RAYA KAMPUS SESI 2025/2026 [Mengikut Seksyen 57 Perlembagaan Universiti Malaysia Terengganu Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971]

ADALAH DIMAKLUMKAN bahawa Pilihan Raya Kampus Universiti Malaysia Terengganu diadakan untuk memilih dan mencalon wakil kawasan Umum dan Kawasan Fakulti sebagai Ahli Majlis Perwakilan Pelajar Tahun 2025/2026 seperti maklumat berikut :-

## 1. JAWATANKUASA PILIHAN RAYA KAMPUS

Jawatankuasa yang ditubuhkan bagi tujuan Pilihan Raya Kampus (JPRK) Universiti Malaysia Terengganu (UMT) adalah seperti berikut:-

- (a) Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus UMT;
- (b) Jawatankuasa Pelaksana Pilihan Raya Kampus UMT;
- (c) Jawatankuasa Bantahan Pilihan Raya Kampus UMT
- (d) Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Kampus UMT;
- (e) Jawatankuasa Audit Pilihan Raya Kampus UMT; dan
- (f) Pegawai Pengurus Umum dan Fakulti.

## 2. BILANGAN KERUSI BAGI PILIHAN RAYA KAMPUS

2.1 Kawasan Umum Tujuh (7) kerusi	
2.2 Kawasan Fakulti	
a) Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial	- 2 kerusi
b) Fakulti Sains dan Sekitaran Marin	- 2 kerusi
c) Fakulti Pengajian Maritim	- 2 kerusi
d) Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan	- 2 kerusi
e) Fakulti Sains Komputer dan Matematik	- 2 kerusi
f) Fakulti Sains Perikanan dan Akuakultur	- 2 kerusi
g) Fakulti Sains Makanan dan Agroteknologi	- 2 kerusi

Peringatan: Calon boleh bertanding secara individu atau berkumpulan di bawah Gerakan Mahasiswa yang sah berdaftar. Calon juga hanya boleh dicadangkan bagi satu kawasan dipertandingkan sahaja sama ada Kawasan Umum atau Kawasan Fakulti.

## 3. KELAYAKAN SEBAGAI CALON

Pelajar yang layak menjadi calon ialah pelajar berdaftar yang memenuhi kriteria berikut;

- (a) Pelajar berdaftar yang telah menduduki peperiksaan akhir semester yang pertama bagi kursus pengajian yang diikutinya;
- (b) Tidak pernah disabitkan dengan apa-apa kesalahan di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Terengganu (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009@2024;
- (c) Pelajar berdaftar yang hanya mempunyai baki tempoh pengajian sekurang-kurangnya setahun atau dua semester tidak termasuk kepada latihan industri;
- (d) Tidak memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) bawah 2.80. Jika kurang, calon perlu menyertakan surat sokongan daripada Dekan Fakulti atau Ketua Program;

- (e) Sekiranya calon disahkan mempunyai masalah kesihatan fizikal dan/atau mental yang boleh memudaratkan prestasi dan persekitaran kerja oleh mana-mana Pusat Kesihatan, calon perlu menyertakan surat sokongan daripada Dekan Fakulti atau Ketua Program;
- (f) Calon diwajibkan mengikuti Bengkel Pemantapan Organisasi Calon Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus. Sekiranya calon didapati tidak hadir, calon hendaklah memberikan alasan dan justifikasi kukuh berkenaan ketidakhadirannya melalui surat rasmi kepada Pengerusi Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus. Calon boleh menggantikan kehadirannya kepada pencadang calon atau penyokong pencadangan calon tertakluk kepada kebenaran Pengerusi Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus;
- (g) Calon tidak dibenarkan untuk menjadi pencadang calon atau penyokong pencadangan calon kepada calon yang lain;
- (h) Pelajar Berdaftar yang dilantik sebagai ahli mana-mana jawatankuasa di bawah peraturan ini tidak layak menjadi calon Pilihan Raya Kampus sesi tersebut;
- (i) Pelajar luar sepertimana yang ditafsir dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971;
- (j) Pelajar yang mempunyai hutang kewangan tertunggak dalam akaun pelajar yang masih belum selesai melainkan jika dibenarkan secara bertulis oleh Naib Canselor.

#### 4. PENDAFTARAN GERAKAN MAHASISWA

Bagi gerakan mahasiswa yang ingin berdaftar untuk bertanding secara berkumpulan, butiran untuk mendapatkan borang pendaftaran adalah seperti berikut :

Tarikh	<b>: 1 September 2025 – 30 September 2025</b>
Borang	: Borang 15 – Pendaftaran Gerakan Mahasiswa
Kaedah	: Secara dalam talian – Google form

#### 5. BORANG PERAKUAN PENAMAAN CALON

Pelajar yang berhasrat untuk menjadi calon Majlis Perwakilan Pelajar boleh mendapatkan Borang 01 – Borang Perakuan Penamaan Calon sepertimana berikut:

Tarikh	<b>: 12 Oktober 2025 – 18 Oktober 2025</b>
Masa	: Bermula 9.00 malam – 11.00 malam
xxxxBorang	: Borang 01 - Borang Perakuan Penamaan Calon
Kaedah	: Secara fizikal
Lokasi	: Pejabat JPRK, Aras 2 Kompleks Siswa, UMT
Bayaran	: RM 20.00
Kaedah bayaran	: Secara dalam talian melalui Billplz

(Bayaran sebanyak RM 20.00 dikenakan sebagai komitmen dan yuran pemprosesan. Bayaran yang dibuat tidak akan dikembalikan)

## 6. BORANG PENAMAAN CALON

6.1 Hari Penamaan Calon bagi kawasan Umum dan Fakulti akan diadakan pada masa berikut:

Tarikh	: <b>21 Oktober 2025 (Selasa)</b>
Borang	: Borang 02 – Borang Penamaan Calon
Kaedah	: Secara fizikal
Lokasi	: Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Tengku Muhammad Ismail, UMT
Masa	: Bermula 8.00 pagi – 10.00 malam
Wang cagaran	: RM 100.00
Kaedah bayaran	: Secara dalam talian melalui Billplz
Gambar calon	: Dua (2) keping gambar berukuran pasport berlatarbelakangkan warna biru atau putih
Pencadang calon	: Satu (1) pencadang calon sahaja
Penyokong pencadangan calon	: Satu (1) penyokong pencadangan calon sahaja

Masa pengesahan : 12.00 tengah hari – 1.00 petang  
Masa hebahan pengesahan : 1.00 petang – 2.00 petang  
Kaedah : Secara fizikal dan dalam talian (Telegram Rasmi JPRK)

- 6.2 Calon hendaklah mengisi **Borang 01 - Borang Perakuan Penamaan Calon** dan **Borang 02 - Borang Penamaan Calon** dengan memilih pencalonan sama ada kawasan Fakulti atau kawasan Umum. Calon hendaklah memilih kawasan bertanding dengan betul.
- 6.3 Calon hendaklah menyatakan sama ada bertanding di bawah mana-mana Gerakan Mahasiswa atau bertanding secara bebas.
- 6.4 Nama calon dalam **Borang 01 - Borang Perakuan Penamaan Calon** dan **Borang 02 - Borang Penamaan Calon** hendaklah sama sepertimana yang tertera di dalam kad pengenalan calon.
- 6.5 Alamat di kampus dan alamat semasa calon hendaklah diisi dengan jelas sepertimana di dalam Sistem Maklumat Pelajar (SMP) UMT.

### **Pencadang calon dan penyokong pencadangan calon:**

- 6.6 Maklumat nama pencadang calon dan penyokong pencadangan calon dalam **Borang 02 - Borang Penamaan Calon** hendaklah sepertimana yang disenaraikan dalam **Borang 01 - Borang Perakuan Penamaan Calon**.
- 6.7 Maklumat pencadang calon dan penyokong pencadangan calon hendaklah dinyatakan semasa pembelian **Borang 01 - Borang Perakuan Penamaan Calon**.
- 6.8 Sebarang penukaran terhadap pencadang calon dan penyokong pencadangan calon selepas pembelian **Borang 01 - Borang Perakuan Penamaan Calon** adalah tidak dibenarkan, kecuali dalam keadaan berlaku pertembungan nama antara pencadang calon dan/atau penyokong pencadangan calon yang terlibat dengan pencalonan calon tersebut.
- 6.9 Pencadang calon dan penyokong pencadangan calon bagi kawasan Fakulti hendaklah terdiri daripada pelajar berdaftar Fakulti berkenaan.
- 6.10 Pencadang calon dan penyokong pencadangan calon bagi kawasan Umum hendaklah terdiri daripada mana-mana Pelajar Berdaftar Universiti.
- 6.11 Pencadang calon dan penyokong pencadangan calon yang dipilih oleh calon hendaklah hadir bersama-sama calon ketika Hari Penamaan Calon.
- 6.12 Calon hendaklah membawa **Borang 01 - Borang Perakuan Penamaan Calon** pada Hari Penamaan Calon dan mengisi **Borang 02 - Borang Penamaan Calon** pada hari tersebut.
- 6.13 Borang Penamaan Calon yang telah lengkap diisi oleh calon, pencadang calon dan penyokong pencadangan calon akan dihantar kepada Pegawai Pengurus.
- 6.14 Pegawai Pengurus Kawasan Fakulti dan Kawasan Umum akan membuat pengesahan calon layak bertanding daripada **Borang 02 - Penamaan Calon** yang telah lengkap diisi dalam tempoh bermula jam 12.00 tengah hari sehingga 1.00 petang.
- 6.15 Pencalonan calon akan terbatal sekiranya pencadang calon atau penyokong pencadangan calon menarik diri atau calon hilang kelayakan menjadi calon.

### **7. PAMERAN BORANG PENAMAAN CALON**

- 7.1 **Borang 14 - Borang Pameran Penamaan Calon** akan dipamerkan di Telegram rasmi JPRK iaitu Pilihan Raya Kampus UMT dan secara fizikal pada 21 Oktober 2025 (Selasa) mulai jam 1.00 petang sehingga 2.00 petang bagi semua kerusi yang dipertandingkan.
- 7.2 Keputusan akhir calon yang layak bertanding akan dipamerkan selepas pengumuman pada jam 8.30 malam, pada 21 Oktober 2025 (Selasa).

## 8. BANTAHAN & RAYUAN TERHADAP PENAMAAN CALON

<b>Sesi Bantahan Calon</b>	
Kaedah bayaran	: Secara dalam talian melalui Billplz
Tarikh	: 21 Oktober 2025 (Selasa)
Tempoh bantahan	: 2.00 petang - 3.00 petang
Borang	: Borang 03 - Borang Bantahan Calon
Kaedah	: Secara fizikal
Lokasi	: Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Tengku Muhammad Ismail, UMT
Wang bantahan	: RM100.00

<b>Masa Perbincangan Bantahan oleh Jawatankuasa Bantahan PRK</b>	
Masa perbincangan	: 3.00 petang - 3.30 petang
Proses	: Jawatankuasa Bantahan PRK bersidang
<b>Pengumuman Keputusan Bantahan</b>	
Keputusan bantahan	: 3.30 petang – 4.00 petang

<b>Sesi Rayuan Calon</b>	
Kaedah bayaran	: Secara dalam talian melalui Billplz
Tarikh	: 21 Oktober 2025 (Selasa)
Tempoh rayuan	: 4.00 petang - 5.00 petang
Borang	: Borang 04 - Borang Rayuan
Kaedah	: Secara fizikal
Lokasi	: Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Tengku Muhammad Ismail, UMT
Wang rayuan	: RM 100.00

<b>Masa Perbincangan Rayuan oleh Jawatankuasa Rayuan PRK</b>	
Masa perbincangan	: 5.00 petang - 5.30 petang
Proses	: Jawatankuasa Rayuan PRK bersidang
<b>Pengumuman Keputusan Rayuan</b>	
Keputusan rayuan	: 5.30 petang - 6.00 petang

<b>Pengumuman Akhir Calon MPP Sesi 2025/2026</b>	
Kaedah	: Secara fizikal
Lokasi	: Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Tengku Muhammad Ismail, UMT
Masa	: 8.30 malam – 10.00 malam

- 8.1 Calon, pencadang calon, penyokong pencadangan calon atau mana-mana pelajar berdaftar UMT boleh membuat bantahan terhadap sesuatu pencalonan berdasarkan alasan berikut:-
- (a) Seseorang calon itu tidak layak atau telah hilang kelayakan untuk dipilih menjadi calon;
  - (b) Seseorang calon itu tidak mematuhi mana-mana peruntukan dan peraturan berkenaan Pilihan Raya Kampus;
  - (c) Seseorang calon mengemukakan maklumat palsu semasa proses penamaan calon; atau
  - (d) Seseorang calon itu tidak mematuhi mana-mana peraturan, tatacara dan undang-undang bertulis Universiti yang sedang berkuatkuasa.
- 8.2 Bantahan mengenai pencalonan boleh dikemukakan kepada Jawatankuasa Bantahan dengan membuat bayaran RM 100.00 secara atas talian melalui pindahan elektronik (Billplz) dan tidak dikembalikan sekiranya bantahan ditolak. Keputusan Jawatankuasa Bantahan adalah muktamad.
- 8.3 Pelajar yang tidak berpuas hati dengan keputusan Jawatankuasa Bantahan boleh mengemukakan rayuan kepada Jawatankuasa Rayuan dengan membuat bayaran sebanyak RM 100.00 secara dalam talian melalui pindahan elektronik (Billplz). Wang tidak akan dikembalikan sekiranya rayuan ditolak. Keputusan Jawatankuasa Rayuan adalah muktamad.

Pengerusi atau mana-mana ahli Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus akan membuat pengumuman mengenai keputusan bantahan atau rayuan sekiranya ada bantahan atau rayuan yang dibuat. Wang bantahan atau rayuan akan dikembalikan semula kepada pembantah atau perayu jika bantahan atau rayuan diterima dengan mengisi **Borang-08 – Borang Bayaran Balik** yang disediakan oleh pihak Bendahari JPRK secara fizikal. Bayaran balik akan dikreditkan ke dalam akaun pembantah atau perayu.

## 9. TAKLIMAT KEPADA CALON, PENCADANG CALON DAN PENYOKONG PENCADANGAN CALON DAN WAKIL GERAKAN MAHASISWA

Taklimat kepada semua calon, pencadang calon, penyokong pencadangan calon dan Wakil Gerakan Mahasiswa akan diadakan secara fizikal pada ketetapan berikut:

Tarikh	: <b>24 Oktober 2025</b>
Borang	: Borang 06 – Borang Kaedah Berkempen
Kaedah	: Secara fizikal
Lokasi	: Dewan Al-Irfan, UMT

## 10. KELAYAKAN PENGUNDI

Semua pelajar berdaftar UMT yang berstatus aktif adalah layak untuk menjadi pengundi.

## 11. TEMPOH BERKEMPEN

Tarikh	: <b>26 Oktober 2025 – 4 November 2025</b>
Borang	: Borang 06 – Borang Kaedah Berkempen
Kaedah	: Secara fizikal
Lokasi	: Universiti Malaysia Terengganu

## 12. SIMULASI PENGUNDIAN

Tarikh	: <b>22 Oktober 2025 (Rabu)</b>
Masa	: 9 pagi - 11 tengah hari
Kaedah	: Secara fizikal & atas talian
Lokasi	: Bilik Intelligent Operation Centre (IOC) PED UMT & Makmal Kompetensi PED, UMT

## 13. HARI PILIHAN RAYA KAMPUS

Tarikh	: <b>5 November 2025 (Rabu)</b>
Masa	: 9.00 pagi – 11.00 malam
Kaedah	: Secara fizikal & atas talian
Lokasi	: Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Tengku Muhammad Ismail, UMT

<b>Pengumuman UMTMemilih Dibuka</b>	
Tarikh	: <b>5 November 2025 (Rabu)</b>
Masa	: 9.00 pagi
Kaedah	: Siaran langsung
Lokasi	: Studio Media Kreatif, UMT

<b>Pengumuman UMTMemilih Ditutup</b>	
Tarikh	: <b>5 November 2025 (Rabu)</b>
Masa	: 6.00 petang
Kaedah	: Siaran langsung
Lokasi	: Studio Media Kreatif, UMT

#### 14. PENJUMLAHAN UNDI

Tarikh	: <b>5 November 2025 (Rabu)</b>
Kaedah	: Secara fizikal
Lokasi	: Bilik Intelligent Operation Centre (IOC) PED, UMT & Makmal Kompetensi PED, UMT

#### 15. KEPUTUSAN PENGUNDIAN

- 15.1 Pengumuman calon yang berjaya dalam Pilihan Raya Kampus akan dibuat sebaik sahaja keputusan Penjumlahan Undi disahkan oleh Jawatankuasa Audit PRK.
- 15.2 Calon, pencadang calon dan penyokong pencadangan calon dikehendaki hadir secara fizikal.
- 15.3 Ketua Pusat Mengundi yang dilantik oleh Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus hendaklah mengumumkan waktu mula mengundi melalui **Borang 10 – Pengesahan UMTMemilih Dibuka** dan waktu tamat mengundi melalui **Borang 11 – Pengesahan UMTMemilih Ditutup** mengikut waktu yang dinyatakan di dalam Notis Pilihan Raya Kampus.
- 15.4 Ketua Pusat Penjumlahan Undi hendaklah menyemak dan mengesahkan jumlah undi yang diperolehi di Pusat Pengundiannya dalam sistem UMTMemilih menggunakan **Borang 12 – Borang Penjumlahan Undi**.

- 15.5 Ketua Pusat Penjumlahan Undi hendaklah menghantar maklumat jumlah undi yang diperoleh dalam sistem UMTMemilih kepada Jawatankuasa Audit Pilihan Raya Kampus untuk semakan seperti berikut:
- a) Keputusan Undian Kerusi Umum Mengikut Susunan;
  - b) Keputusan Undian Kerusi Umum Mengikut Susunan Undi Tertinggi;
  - c) Keputusan Undian Kerusi Fakulti Mengikut Susunan Setiap Fakulti;
  - d) Keputusan Undian Kerusi Fakulti Mengikut Undi Tertinggi Setiap Fakulti;
  - e) Bilangan Pelajar Berdaftar Keluar Mengundi Mengikut Fakulti dan Keseluruhan; dan
  - f) Bilangan Undi Rosak.
- 15.6 Setelah semakan dibuat ke atas semua laporan seperti dinyatakan di dalam perenggan 23(3) Tatacara Pilihan Raya Kampus Universiti Malaysia Terengganu 2025, Jawatankuasa Audit Pilihan Raya Kampus hendaklah mengesahkan laporan tersebut.
- 15.7 Ketua Pusat Penjumlahan Undi hendaklah mencetak dan menandatangani keputusan penjumlahan undi dan menyerahkannya kepada Jawatankuasa Audit Pilihan Raya Kampus menggunakan **Borang 13 – Borang Pengumuman Keputusan**.
- 15.8 Jawatankuasa Audit Pilihan Raya Kampus hendaklah menandatangani keputusan penjumlahan undi yang telah dicetak dan ditandatangani oleh Ketua Pusat Penjumlahan Undi dan menyerahkannya kepada Pengerusi atau mana-mana ahli Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus.
- 15.9 Pengerusi atau mana-mana ahli Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus akan mengumumkan keputusan penjumlahan undi tersebut.
- 15.10 Ketua Pusat Penjumlahan Undi hendaklah memaparkan keputusan penjumlahan undi selepas pengumuman keputusan penjumlahan undi disampaikan oleh Pengerusi atau mana-mana ahli Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus.

## 16. BANTAHAN & RAYUAN TERHADAP KEPUTUSAN PENJUMLAHAN UNDI

- 16.1 Sebarang bantahan terhadap keputusan penjumlahan undi yang diumumkan hendaklah dibuat secara dalam talian melalui pindahan elektronik (Billplz) dengan mengisi Borang 03 – Borang Bantahan kepada Jawatankuasa Bantahan dengan bayaran sebanyak RM100.00 dalam tempoh 30 minit selepas pengumuman keputusan penjumlahan undi. Keputusan Jawatankuasa Bantahan adalah muktamad.
- 16.2 Jika calon, pencadang calon, penyokong pencadangan calon atau mana-mana pelajar berdaftar tidak berpuas hati dengan keputusan Jawatankuasa Bantahan berkenaan dengan keputusan bantahan terhadap keputusan penjumlahan undi, rayuan boleh dibuat dengan mengisi Borang 04 – Rayuan secara dalam talian melalui pindahan elektronik (Billplz) kepada Jawatankuasa Rayuan dengan bayaran sebanyak RM 100.00 dalam tempoh 30 minit selepas keputusan Jawatankuasa Bantahan diumumkan. Keputusan Jawatankuasa Rayuan adalah muktamad.

## 17. TEMPOH PEMEGANG JAWATAN MPP

Tempoh pemegangan jawatan MPP bagi kawasan Umum dan Fakulti adalah selama satu tahun akademik.

## 18. TANGGUNGJAWAB PENGUNDI

Semua pelajar berdaftar UMT yang namanya terdapat dalam senarai daftar pengundi adalah berkewajipan untuk mengundi bagi kawasan Umum dan Fakulti secara fizikal di lokasi ditetapkan.

## 19. PENUBUHAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR

Calon-calon yang berjaya di dalam Pilihan Raya Kampus dikehendaki membentuk kabinet MPP selewat-lewatnya 5 hari selepas hari pemilihan dengan memilih sesama mereka, yang terdiri daripada:

- (a) Seorang Yang Dipertua;
- (b) Seorang Naib Yang Dipertua;
- (c) Seorang Setiausaha;
- (d) Seorang Bendahari; dan
- (e) Pemegang jawatan lain yang dibenarkan oleh Naib Canselor

## 20. PENUTUP

Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus (JPRK) boleh membuat apa-apa pindaan notis ini dari semasa ke semasa. Notis ini hendaklah dibaca bersama dengan Peraturan-Peraturan Universiti Malaysia Terengganu (Pilihan Raya Kampus) Tahun 2024 dan Tatacara Pilihan Raya Kampus UMT 2025/2026.

**Tarikh Notis Dikeluarkan :** 5 Oktober 2025

**Dikeluarkan oleh :**



JOSEPH ANJA SU  
Pengerusi  
Jawatankuasa Induk Pilihan Raya Kampus  
Universiti Malaysia Terengganu  
Sesi 2025/2026